

Kuan Yew kena mohon maaf

Rakyat Malaysia tersinggung, kesal

Oleh Ahmad Ghazali Musa,
Mohd Roji Abdullah
dan Yahya Awang

KUALA LUMPUR: Pemimpin tempatan menuntut Menteri Mentor Singapura, Lee Kuan Yew memohon maaf kepada Kerajaan Malaysia berhubung dakwaannya masyarakat Cina di negara ini dipinggirkan secara sistematik.

Naib Presiden Umno, Tan Sri Muhyiddin Yassin, berkata bekas Perdana Menteri Singapura itu perlu memohon maaf secara terbuka berikutan kenyataan beliau menyinggung perasaan rakyat Malaysia dan Indonesia.

Katanya, sebagai orang lama dalam politik serantau, pasti ada muslihat di sebalik kenyataannya.

"Mengapa dia hendak buat kenyataan yang cuba memprovokasi masyarakat Cina di Malaysia dan Indonesia, sedangkan kita sentiasa berusaha meningkatkan hubungan baik antara negara serantau," katanya.

Muhyiddin berkata, Kuan Yew perlu faham dalam negara yang memiliki pelbagai bangsa, tumpuan tidak harus diberikan kepada sektor ekonomi saja kerana ia perlu merangkumi hubungan baik dan perpaduan kaum.

"Masyarakat Cina di Malaysia mendapat layanan setaraf dengan orang Melayu, malah mereka kini

menjadi masyarakat yang berjaya, sehingga kita terpaksa memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru, (DEB) untuk mengimbangi pembangunan ekonomi," katanya.

Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri, Datuk Fu Ah Kiow, berkata semua pihak tidak perlu bertindak di luar batasan bagi membantah kenyataan itu.

"Kaum Cina di Malaysia sudah matang dan kita sentiasa menjaga sensitiviti negara. Kuan Yew memberikan pandangan mengikut perspektifnya sendiri dan keadaan ini berbeza dengan masyarakat majmuk di Malaysia.

"Rakyat kita ramai dan tinggal di

"Kuan Yew harus hormat negara jiran kerana Malaysia tidak pernah menyentuh isu kaum di Singapura seperti layanan orang Melayu"

bandar dan luar bandar. Ia perlu dilihat menyeluruh. Kita tak akan menghantar nota bantahan," katanya.

Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat, berkata Kuan Yew mempunyai muslihat tertentu apabila membuat dakwaan itu.

"Saya kesal dan tindakan itu tidak betul," katanya kepada pemberita selepas merasmikan mesyuarat agung Pertubuhan Peladang negeri di Kota Baharu, semalam.

Beliau berkata, adalah lebih baik jika beliau (Kuan Yew) membela nasib orang Melayu di Singapura yang terpinggir daripada membesar-besarkan semangat sesuatu bangsa.

Pada 15 September lalu, Kuan Yew dipetik agensi media asing berkata, sikap Malaysia dan Indonesia terhadap Singapura dibentuk oleh cara layanan mereka terhadap etnik Cina minoriti di negara mereka sendiri.

Pemangku Pengerusi Kelab Ahli Parlimen Barisan Nasional (BN-BBC), Datuk Raja Ahmad Zainuddin Raja Omar berkata, Kuan Yew perlu menarik balik kenyataannya dan meminta maaf kepada Kerajaan Malaysia kerana menyinggung perasaan rakyat negara ini.

Raja Ahmad berkata, pemimpin dan rakyat negara ini kesal dengan kenyataan itu yang membelakangi sensitiviti negara jiran.